

# Tanam impian kembara beramal

**Kuala Lumpur:** Kembara sambil beramal adalah impian yang ditanam oleh Ahmad Wazir Aiman, 22, sejak di bangku sekolah rendah lagi.

Pelajar tahun tiga jurusan perubatan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) itu berhasrat untuk mengadakan kerja amal pada satu hujung minggu di setiap bulan apabila stabil dari segi kewangan.

“Ramai golongan kurang bernasib baik yang perlu perhatian kita. Saya mula mengenal erti memberi selepas menghulurkan bantuan pakaian kepada seorang pekerja masjid di Pahang ketika singgah di masjid itu dalam perjalanan ke Kuala Lumpur.

“Keadaan pekerja itu dengan pakaian compang-camping yang sedang membersihkan tandas dan kawasan masjid membuatkan saya terdetik untuk memberi bantuan dan terus teringat pakaian lebih daripada program gelandangan yang disimpan dalam kereta.

“Saya terus mengambil pakaian itu dan memberikan kepadanya. Sejurus menghulurkan pakaian, pekerja itu terus menitikkan air mata tanda gembira dan daripada itu, saya bersemangat untuk memberi bantuan terutama kepada yang memerlukan,” katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Bermula hari ini, Ahmad Wazir akan mengadakan jelajah secara solo selama lima hari mendekati golongan kurang berkemampuan dengan memberi bantuan keperluan asas dan sumbangan wang.

Katanya, Jelajah Infaq Ramadan atau Ramadan Voyage of Hope itu akan diadakan di seluruh Semenanjung dengan memulakan kembara di Perak, Kedah, Perlis dan Pulau Pinang sebelum meneruskannya ke Kelantan, Terengganu, Pahang, Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Selangor dan berakhir di Kuala Lumpur.